

# Kindy di Queensland

## Apa itu kindy?

Kindergarten, dikenali sebagai kindy, merupakan suatu program pendidikan separuh masa bagi kanak-kanak dalam tahun sebelum mereka memulakan sekolah. Penyertaan dalam program kindy membolehkan anak anda belajar melalui bermain, mendapat kawan dan bersedia untuk peralihan ke sekolah.

Program kindy yang diluluskan oleh Queensland Government merupakan program-program yang berasaskan bermain dan diajar oleh guru pendidikan awal kanak-kanak yang berulusan, program-program Kindy boleh ditawarkan di pusat-pusat pembelajaran awal kanak-kanak; beberapa sekolah luar bandar; dan menerusi pembelajaran jarak jauh atau eKindy bagi sesetengah kanak-kanak yang tidak dapat datang ke sebuah pusat pembelajaran.

## Belajar di kindy

Di kindy, kanak-kanak belajar menerusi bermain agar:

- menggunakan menggunakan bahasa untuk berkomunikasi idea serta perasaan
- mendapat mendapat kawan, berkongsi dan bermain dengan kanak-kanak lain
- belajar menerusi pengalaman baru
- menyakin menjadi lebih yakin dan berasa lebih kuat
- mengekspresikan mengekspresikan diri mereka menerusi seni, tarian dan permainan lakon yang dramatik
- mengasaskan pengetahuan yang adameraka, meneroka idea yang baru dan membantu mereka mendapatkan permulaan yang terbaik dalam persekolahan

## Cara-cara mendaftar

Di Queensland, kanak-kanak boleh menghadiri kindy pada tahun sebelum mereka bersekolah. Setiap perkhidmatan adalah berbeza dan ada yang mungkin mempunyai senarai menunggu, oleh itu ianya merupakan suatu idea yang baik untuk berbincang dengan perkhidmatan kindergarten pilihan anda tentang masa yang terbaik untuk mendaftarkan anak anda.

Anak anda harus berusia 4 tahun pada 30 Jun untuk mengambil bahagian dalam kindy.

Anak dilahirkan	Anak boleh menghadiri kindy
1 Julai 2013 hingga 30 Jun 2014	2018
1 Julai 2014 hingga 30 Jun 2015	2019
1 Julai 2015 hingga 30 Jun 2016	2020
1 Julai 2016 hingga 30 Jun 2017	2021
1 Julai 2017 hingga 30 Jun 2018	2022
1 Julai 2018 hingga 30 Jun 2019	2023

Apa yang anda perlukan untuk mendaftar anak anda:

- nama dan alamat anak anda
- butiran anda sebagai ibu atau bapa atau penjaganya
- butiran sebarang perintah mahkamah atau perintah atau rancangan keibubapaan
- butiran sebarang keperluan khas (misalnya, kurang upaya, alahan makanan atau keperluan-keperluan lain)
- bukti tarikh lahir (misalnya, sijil kelahiran)
- status kesihatan dan imunisasi
- butiran orang yang dibenarkan untuk mengambil anak anda dan siapa yang harus diberitahu sekiranya berlaku kecemasan.

Perkhidmatan anda akan merahsiakan maklumat ini dan anda akan mempunyai akses yang sepenuhnya kepada rekod-rekod anak anda.



## Memilih program kindy

Semua kanak-kanak di Queensland layak untuk menghadiri tadika yang diluluskan pada tahun sebelum memulakan persekolahan.

Suatu program kindergarten yang diluluskan memenuhi garis panduan kerajaan, dan merupakan:

- program pembelajaran berasaskan bermain yang diajar oleh guru-guru pendidikan awal yang berkelulusan, selaras dengan garis panduan kerajaan
- Lazimya dijalankan selama 15 jam seminggu, 40 minggu setahun, untuk kanak-kanak pada tahun sebelum mereka memulakan persekolahan
- Diselaraskan dengan Queensland Kindergarten Learning Guideline atau program pembelajaran bertauliah Queensland Curriculum and Assessment Authority yang lain.

Untuk membantu mengenal pasti suatu program Queensland Government yang diluluskan, sila cari 'kindy tick'.



## Yuran kindy

Yuran tadika adalah berbeza-beza, bergantung pada perkhidmatan. Sila hubungi kindy pilihan anda untuk butiran tentang struktur yuran mereka.

Kindergarten yang mengenakan yuran rendah atau tidak mengenakan yuran ditawarkan kepada keluarga-keluarga yang layak, termasuk keluarga angkat, yang:

- memegang Health Care Card (HCC) Kerajaan Australia (atau mempunyai anak yang memilikinya)
- memegang Australian Government Pensioner Concession Card (kelayakan HCC secara automatik)
- memegang Department of Veterans' Affairs Gold Card atau White Card
- mempunyai komunikasi rasmi, seperti surat, dari agensi berkenaan menyatakan hasrat untuk mengeluarkan HCC
- merupakan Orang Asli atau Penduduk Pulau Torres Strait (atau mempunyai anak yang berketurunan sedemikian)
- mempunyai tiga atau lebih anak, yang sama usia, yang telah didaftarkan dalam tahun yang sama.

Subsidi untuk kindergarten yuran rendah atau tidak mengenakan yuran terus diberikan kepada penyedia perkhidmatan anda. Ini boleh mengurangkan perbelanjaan tunai langsung anda. Ini boleh dituntut sekali sahaja, walaupun anda menepati beberapa syarat.

Keluarga anak-anak yang menyertai program kindergarten dalam seting penjagaan sepanjang hari juga mungkin layak untuk Commonwealth Government Child Care Subsidy.

Maklumat tentang kelayakan untuk subsidi-subsidi Kerajaan Komanwel tersebut boleh didapati dari Centrelink.

Kanak-kanak dalam penjagaan angkat atau persanakan juga boleh mendapatkan subsidi tambahan. Sila hubungi kindy anda, kemudian Child Safety Service Centre untuk maklumat lanjut.

## Maklumat lanjut

Sila hubungi Queensland Government melalui telefon **13 74 68**

Cari 'kindy' di [www.qld.gov.au/earlyyearscount](http://www.qld.gov.au/earlyyearscount)

